

MARANG - Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Marang 1441H/2019M yang diadakan di Dewan Majlis Daerah Marang, Kampung Paya, pada 19 November 2019 (Rabu) bermula jam 7.00 Pagi. Pasukan Perarakan Mengambil tempat di Dataran Daerah Marang dan selesai perarakan di Majlis Daerah Marang, Kampung Paya jarak perarakan sepanjang 3km. Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Marang 1441H/2019M Dirasmikan oleh Yang Berhormat Ustaz Mohd Nor bin Hamzah Pengerusi Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan Negeri Terengganu Darul Iman.

Sebanyak 40 pasukan yang mengikuti Perarakan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Marang yang terdiri daripada Jabatan Kerajaan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Sekolah Randah dan Sekolah Menengah.

Tahniah kepada pasukan yang telah menjuarai perarakan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Daerah Marang 1441H/2019M. Johan bagi kategori Jabatan Kerajaan dimenangi oleh Pejabat Agama Marang, kategori MPKK di menangi oleh MPKK Mukim Pulau Kerengga, ketegori sekolah rendah dimenangi oleh Sekolah Bukit Gasing, dan kategori sekolah Menengah di menangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa Diharapkan program ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang bagi melahirkan ummat yang cintakan agama dan rasul.